



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(16)

31 MEI 2022

## SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT EDARAN PIKM KE-16/2022:** **MAKLUM BALAS KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BERHUBUNG ISU** **PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2022**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagai makluman, Ahli Jawatankuasa Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi kemelut Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022. AJK PIKM sedar akan cabaran-cabaran industri dan akan terus berusaha untuk mempermudah ahli-ahli Persatuan.

3. Dimaklumkan bahawa PIKM telah menerima surat maklum balas daripada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang diterima melalui emel pada 30 Mei 2022, lanjutan surat PIKM kepada YB Menteri Sumber Manusia bertarikh 18 Mei 2022.

4. Berikut merupakan ringkasan intipati permohonan PIKM dan maklum balas KSM:

#### **4.1 Permohonan penangguhan pelaksanaan PGM 2022 bagi Industri Keselamatan Swasta.**

**Maklum balas KSM:** Penangguhan PGM 2022 sehingga Januari 2023 hanya diberikan kepada majikan yang menggajikan kurang daripada lima (5) orang pekerja sahaja. Bagi perkhidmatan kawalan keselamatan yang menggajikan lima (5) orang pekerja dan lebih perlu melaksanakan PGM 2022 mulai 1 Mei 2022.

#### **4.2 Isu pelarasan harga kontrak perolehan dengan agensi Kerajaan selaras dengan kenaikan PGM 2022**

**Maklum balas KSM:** KSM telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 17 Mei 2022. Wakil BPK MOF memaklumkan bahawa MOF akan mengeluarkan surat pekeling kepada semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan supaya menyelaraskan nilai kontrak perolehan yang sedang berkuatkuasa berikutan pelaksanaan PGM 2022, tertakluk kepada permohonan daripada kontraktor terbabit.

#### *Presiden*

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

#### *Timbalan Presiden*

MOHAMMAD UBaidillah BIN IMAN

#### *Naib Presiden*

DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT  
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN  
TUDM (B)  
SALIZA ABDULLAH

#### *Setiausaha Kehormat*

DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD

#### *Bendahari Kehormat*

FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD  
FATMI

#### *Penolong Setiausaha*

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

#### *Penolong Bendahari*

AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

#### *Ahli-ahli Jawatankuasa*

KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR  
DATUK HJ. ZAIDI BIN MOHAMED  
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)  
IR. SOFIA BT DATO' IR. HJ. JOHARI  
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER  
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)  
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU  
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

#### *Juruaudit Dalam*

MOHD HODORI BIN SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

#### *Pengerusi WP Kuala Lumpur*

ADILA BIN DATO' ABDULLAH

#### *Pengerusi Negeri Selangor*

DATO' DR. S. PRABAKARAN

#### *Pengerusi Negeri Johor*

DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

#### *Pengerusi Negeri Perak*

ZAITON BT MOHD NUSI

#### *Pengerusi Negeri Kelantan*

HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

#### *Pengerusi Negeri Terengganu*

CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

#### *Pengerusi Negeri Pahang*

MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

#### *Pengerusi Negeri Pulau Pinang*

MUHAMMAD SYAFIQ BIN HJ. ISHAK

#### *Pengerusi Negeri Kedah & Perlis*

DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

#### *Pengerusi Negeri Melaka*

DATO' SRI GAN PENG LAM

#### *Pengerusi Negeri Sembilan*

HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH

#### *Pengerusi Negeri Sabah*

MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

#### *Pengerusi Negeri Sarawak*

SHAHARUDDIN BIN SAMSI

#### *Sekretariat*

#### *Pengurus Besar*

JEFF NOR JETTEY

Nota: Perkara ini selaras dengan saranan PIKM melalui Surat Edaran PIKM ke-15 bertarikh 13 Mei 2022 untuk semua ahli mengemukakan surat permohonan rasmi menggunakan kepala surat (*letterhead*) syarikat kepada pelanggan masing-masing bagi tujuan penyelarasan harga kontrak selaras dengan PGM 2022.

#### 4.3 **Penetapan Kadar Caj Minima Harga Lantai bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta**

**Maklum balas KSM:** Pihak KSM mengambil maklum dan mengalu-alukan mekanisma yang dapat membantu majikan lanjutan persetujuan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membuat kajian satu ketetapan khas berkaitan kadar caj minimum (harga lantai) bagi perkhidmatan kawalan Keselamatan swasta untuk mengimbangi keperluan dan kehendak PGM.


#### 4.4 **Keanggotaan PIKM di dalam MPGN sebagai Wakil Majikan**

**Maklum balas KSM:** Kementerian bersedia mengadakan perbincangan bersama PIKM berhubung isu pelaksanaan PGM 2022 dan perwakilan PIKM dalam MPGN.

5. Walau bagaimanapun, Persatuan mengambil maklum keresahan kesemua ahli dalam menghadapi tekanan kos pelaksanaan PGM 2022. Justeru, Persatuan akan meneruskan usaha mencari penyelesaian yang terbaik buat kesemua ahli PIKM. Bersama ini dikembarkan sesalinan surat KSM untuk makluman lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**  
**PRESIDEN**



Ruj. : KSM. 600-2/1/14 Jilid 2 (98)

Tarikh : 27 Mei 2022

**Presiden**

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia  
Unit 715 & 716, Blok A  
Tingkat 7, Kelana Business Centre  
Jalan SS7/2 Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
SELANGOR



YBhg. Dato' Sri,

**MAKLUM BALAS TERKINI SUSULAN PERJUMPAAN PERBINCANGAN  
ISU GAJI MINIMA BAGI INDUSTRI KAWALAN KESELAMATAN  
SWASTA DI BAWAH PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN  
MALAYSIA (PIKM)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat YBhg. Dato' Sri kepada YB Menteri Sumber Manusia bertarikh 18 Mei 2022 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah meneliti kandungan surat tersebut dan mengambil maklum isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak YBhg. Dato' Sri berhubung dengan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022.
3. Pihak KSM mengambil juga mengambil maklum akan perbincangan antara pihak YBhg. Dato' Sri dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai penetapan Kadar Caj Minima (Harga Lantai) Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta. Pihak KSM mengalu-alukan mekanisme yang dapat membantu majikan melaksanakan dasar gaji minimum.
4. Mengenai isu pelarasan nilai kontrak perolehan dengan agensi Kerajaan, untuk makluman YBhg. Dato' Sri, pihak KSM telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK) MOF pada 17 Mei 2022. Wakil BPK MOF memaklumkan bahawa MOF akan mengeluarkan surat pekeliling kepada semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan supaya menyelaraskan nilai kontrak perolehan yang sedang

berkuatkuasa berikutan pelaksanaan PGM 2022, tertakluk kepada permohonan daripada kontraktor terbabit. Pihak KSM berharap isu pelarasan kontrak perolehan dapat diselesaikan dengan inisiatif MOF ini.

5. Berhubung dengan pandangan tuan mengenai pelaksanaan PGM 2022 bagi perkhidmatan keselamatan di perenggan 5.2, KSM ingin menjelaskan bahawa Kerajaan memutuskan penangguhan pelaksanaan perintah ini hanya diberikan kepada majikan yang menggajikan kurang daripada lima (5) orang pekerja. Bagi majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja dan lebih, serta majikan yang menjalankan aktiviti profesional di bawah MASCO tanpa mengira bilangan pekerja, kedua-dua kategori majikan ini perlu melaksanakan PGM 2022 mulai 1 Mei 2022. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan kawalan keselamatan yang menggajikan lima (5) orang pekerja dan lebih perlu melaksanakan PGM 2022 mulai 1 Mei 2022.

6. Pihak KSM berbesar hati untuk mengadakan perbincangan dengan pihak YBhg. Dato' Sri mengenai pelaksanaan PGM 2022 termasuk isu perwakilan dalam Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

7. Sehubungan itu, KSM memohon pihak YBhg. Dato' Sri agar melaksanakan PGM 2022.


Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AMINUDDIN BIN AB RAHMAN )**

Setiausaha

Majlis Perundingan Gaji Negara

Ruj. : KSM. 600-2/1/14 Jilid 2 ( )

**MAKLUM BALAS TERKINI SUSULAN PERJUMPAAN PERBINCANGAN ISU GAJI MINIMA BAGI INDUSTRI KAWALAN KESELAMATAN SWASTA DI BAWAH PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM)**

---

s.k

- (i) YBhg. Datuk TKSU (Operasi)
- (ii) TKSU (Dasar & Antarabangsa)
- (iii) SUSK YB Menteri Sumber Manusia